

Nama Kolum: Perbendaharaan Rahsia Raja (25)

Nama Pena: Bonda Tun

Tarikh: 30/12/17

Bismillahirrahmanirrahim

Seperti yang disebutkan sebelum ini, sistem syura merupakan suatu konsep mesyuarah oleh ahli Majlis Tertinggi kerajaan yang pakar dalam bidang masing-masing, yang termasuk padanya permuafakatan dalam urusan pemerintahan serta pengurusan umat Islam. Bagaimanapun tidak semestinya semua anggota syura berperanan sama sebagai *Ahl-al-Hal wa al-Aqd* yang mana tugas mereka dikhususkan semata-mata dalam urusan pemilihan serta perlantikan Ketua Negara.

Sebagaimana mengikut hukum syariat yang menetapkan pemilihan Ketua Negara dibuat dengan dua cara iaitu samada ditunjuk oleh pemerintah sebelumnya ataupun dipilih oleh *Ahl al-Hal Wa al-Aqd*, maka syarat ini adalah diikuti dalam istiadat perlantikan Raja-raja Melayu, yang mana lazimnya calon bakal raja telahpun diputuskan sebelum kemangkatan raja yang memerintah dengan mendapat permuafakatan ahli lembaga Majlis Syura.

Maka dalam hal perlantikan Raja Melayu, lazimnya wujud syarat perundingan, muafakat dan persetujuan diantara para pembesar tertinggi sebagai *Ahl-al-Hal wa al-* atau namanya mengikut Adat Raja-Raja Melayu disebut sebagai JEMAAH PANGKUAN DIRAJA sebagaimana yang dituntut oleh hukum syariat.

Permuafakatan dan persetujuan atas pemilihan calon raja (Tengku Mahkota) oleh raja yang masih memerintah diperolehi dari para pembesar Melayu yang paling teratas seperti Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Mufti atau Qadhi yang bukan sahaja bertindak sebagai lembaga Majlis Syura, tetapi juga dalam adat Raja-raja Melayu berperanan sebagai *Ahl al-Hal Wa al-Aqd@* Jemaah Pangkuan Diraja. Bendahara sebagai Menteri Tafwidhi atau Menteri Tunggal Penuh mempengerusikan mesyuarah lembaga Anggota Pemilih@Jemaah Pangkuan Diraja dalam hal mengurus perkara-perkara perlantikan Raja Melayu.

Bagaimanapun, lintasan sejarah pemerintahan Raja-raja Melayu menyaksikan dinamika peranan *Ahl al-Hal Wa al-Aqd@*Jemaah Pangkuan Diraja dalam hal perlantikan Sultan apabila tercetus perkara-perkara yang luar dari kelaziman. Hal ini merujuk kepada kekuatan ruanglingkup peranan Jemaah Pangkuan, khususnya peranan Bendahara yang bukan sahaja bersumber dari sejarahnya sebagai 'raja' asal bagi leluhur semua Raja-raja Melayu Melaka dan keluarga bendaharanya (dari Bukit Siguntang, Palembang), tetapi juga dalam peranannya sebagai Menteri Tafwidhi yang disebut sebagai Ketua Negara yang kedua, atau Menteri Tunggal Penuh yang diraikan kedudukan serta kebesarannya hatta dalam upacara adat istiadat Raja-raja Melayu silam.

Rujuk kepada dua petikan sejarah Melayu yang diambil dari kitab '*Sulalatus Salatin@ Sejarah Melayu*', yang memperlihatkan dinamika fungsi dan peranan Bendahara yang bukan sahaja melaksanakan tanggungjawab sebagai Menteri Tafwidhi dan anggota lembaga Majlis Syura, tetapi juga sebagai pengerusi *Ahl al-Hal Wa al-Aqd*, iaitu lembaga Anggota Pemilih atau Jemaah Pangkuan Diraja.

i. Bendahara Sri Amar Diraja Raden Anum MELAKA

Perlantikan Raja Kassim sebagai sultan Melaka bergelar Sultan Muzaffar Shah (1335-1375) adalah dengan berlatar belakangkan peristiwa penggulingan kuasa adindanya yang masih kecil, iaitu Sultan Abu Syahid, putera Sultan Muhammad Shah yang memerintah sebelumnya (Raja Kassim dan adindanya Sultan Abu Syahid berlainan bonda). Waktu itu berlaku masalah monopoli kuasa pemerintahan oleh Raja Rekan yang memangku Sultan Abdul Syahid yang masih kecil (kerana bonda Sultan Abu Syahid adalah sepupunya). Adat Raja-raja Melayu menetapkan Bendahara sebagai Pemangku Raja dan *Fiqh Daulah* menetapkan Menteri Tafwidhi sebagai sekutu bagi Kepala Negara dalam urusan pemerintahan. Raja Rekan telah mengambil peranan Bendahara sehingga mencetuskan konflik dengan para pembesar Melaka, serta membuat perkara-perkara yang menjolok mata seperti mengusir Raja Kassim sehelai sepinggang dari istana serta bertindak seolah-olah beliaulah raja. Perkara ini mendatangkan kemarahan di kalangan para pembesar istana.

Kemudian seorang ulama bertaraf waliyullah yang bernama Maulana Jalaluddin dari negeri atas angin telah melihat keadaan Raja Kassim yang menjadi pengail dan mengenalnya sebagai anak raja Melaka, serta mendapat firasat bahawa Raja Kassim bakal memegang kerajaan Melaka lalu mencadangkannya untuk berikhtiar merealisasikan firasat tersebut dengan jaminan peribadi daripadanya akan keberhasilannya. Raja Kassim bersetuju, akhirnya permuafakatan diantara beberapa pembesar atasan dibuat untuk menyingkirkan Raja Rekan dan kata putus serta restu didapatkan dari Bendahara Sri Amar Diraja Raden Anum sebagai Menteri Tafwidhi dan Pengerusi Jemaah Pangkuan waktu itu.

Pembesar dan hulubalang Melaka terus bersama menyertai kumpulan Raja Kassim untuk menyingkirkan Raja Rekan apabila mendapat tahu bahawa Bendahara Melaka telah memberikan sokongannya kepada mereka. Dalam peristiwa itu Raja Rekan telah sempat membunuh Sultan Abu Syahid setelah beliau ditikam oleh hulubalang Melaka. Maka ditakdirkan naiklah Raja Kassim menjadi Sultan Muzaffar Shah dengan restu Jemaah Pangkuan Melaka, memerintah untuk tempuh 40 tahun, iaitu pada tahun 1335-1375.

ii. Bendahara Paduka Raja Tun Perak MELAKA

Peristiwa penolakan Raja Muhammad putera Sultan Mansur Shah Melaka (1375-1448) dari menjadi Raja Melaka. Raja Muhammad telah membunuh Tun Besar, iaitu anaknda Bendahara Paduka Raja Tun Perak kerana sepak raga yang ditendang oleh Tun Besar semasa sedang bermain telah terkena destar Raja Muhammad yang kebetulan sedang lalu di situ, lalu destar tersebut telah jatuh ke tanah. Keadaan menjadi kucar kacir seketika dan anak-anak buah Tun Perak ingin bertindak membalas perbuatan Raja Muhammad itu. Tun Perak yang keluar rumah kerana terdengar kekecohan yang berlaku diberitakan tentang tragedi tersebut, lalu beliau menyergah: "*Hei! Hei! Hendak derhakakah ke bukit? Hendak derhakakah ke bukit? Nyiah!Nyiah Kamu semua nyiah!.Kerana istiadat hamba Melayu tidak pernah derhaka. Tetapi akan anak raja seorang ini, janganlah kita pertuan.*"

Perkara tersebut telah dimaklumkan kepada Sultan Mansur Syah, lalu dijawab baginda : "*Celaka si Muhammad ini! Hei Muhammad! Apakah dayaku engkau ditolak muka bumi Melaka.*" Sultan Mansur Syah akur dengan pendirian Tun Perak, lalu memerintahkan Raja Muhammad untuk dirajakan di salah satu jajahan kesultanan

Melaka iaitu di negeri Pahang. Raja Muhammad berangkat ke Pahang dengan diiringi oleh Jemaah Pangkuan yang dilantik khusus untuk membantu dalam mentadbir kesultanan Pahang yang baru. Di Pahang, baginda bergelar Sultan Muhammad Shah I, memerintah pada tahun 1470-75 Masihi.

Bersambung...